



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/11/77 (HQ)

### MYTNB: IA LEBIH DARIPADA SEKADAR UNTUK MEMBAYAR BIL ELEKTRIK

Pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini lebih menerima gaya hidup digital berdasarkan peningkatan besar jumlah transaksi secara dalam talian untuk pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan melalui aplikasi dan portal myTNB.

Selain daripada membayar bil elektrik secara dalam talian, terdapat peningkatan jumlah pelanggan yang menggunakan aplikasi dan portal myTNB untuk melaksanakan pelbagai urusan lain yang lazimnya dilakukan di Kedai Tenaga. Berbanding 2019, terdapat peningkatan mendadak untuk transaksi (permintaan) berikut melalui myTNB sehingga 15 November 2020:

- Perubahan Tarif (daripada 858 pada 2019 ke 17,260 transaksi);
- Pertukaran Nama Penyewa (daripada 8,219 ke 22,262);
- Skim Tenaga Boleh Diperbaharui (daripada 23 ke 342); dan
- myGreen+ (daripada 304 ke 552).

Untuk pembayaran bil, myTNB mencatatkan lebih 7.7 juta transaksi bagi kedua-dua platform dengan lebih 6 juta transaksi melalui aplikasi, berbanding 3.6 juta transaksi pada tahun lalu.

“Kami percaya terhadap usaha bagi memberi nilai yang tinggi untuk pelanggan kami, termasuk memberi kemudahan untuk mereka berinteraksi dengan kami. Oleh sebab itu, kami telah menaiktaraf ciri-ciri yang terdapat pada myTNB sejajar dengan perkhidmatan yang boleh diberikan secara bersemuka dan sambutannya setakat ini amat menggalakkan,” kata Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

“Setiap orang kini lebih berhati-hati terhadap kesihatan dan keselamatan mereka, dan mereka juga mencari peluang untuk mengurangkan perjumpaan secara bersemuka. Ini memberi dorongan buat kami untuk menjadikan urusan lebih mudah dan selamat buat pelanggan kami menerusi kemudahan yang ada pada platform myTNB. Ia memudahkan serta mesra-pengguna kerana segalanya berada pada hujung jari.”

Kelebihan lain myTNB ialah ia menawarkan pengguna Meter Pintar keupayaan untuk memantau penggunaan tenaga harian mereka secara dalam talian, sekaligus memperkasakan mereka untuk mengawal penggunaan elektrik.

“Sehingga kini, lebih 555,000 pengguna Meter Pintar di Lembah Klang dan Melaka menikmati ciri yang amat berguna ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB),” tambah Megat.

Aplikasi myTNB boleh dimuat turun di Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery manakala portal myTNB boleh dilayari di pautan [www.mytnb.com.my](http://www.mytnb.com.my).

Melalui aplikasi dan portal myTNB, pelanggan juga boleh:

- Menyemak bil elektrik bagi kesemua akaun milik pelanggan;
- Menambah dan mengurus akaun milik orang tersayang seperti ibu bapa di kampung;
- Mengenalpasti jumlah penggunaan elektrik secara bulanan;
- Melihat sejarah penggunaan elektrik;
- Menyampaikan maklum balas berkenaan bil elektrik secara dalam talian.;
- Membuka akaun baharu (termasuk bagi pemaju projek dan perunding); serta
- Menutup akaun.

Dalam satu kempen bermula 12 Oktober 2020 sehingga 9 Disember 2020, pelanggan yang membayar bil elektrik mereka menerusi aplikasi myTNB berpeluang memenangi telefon mudah alih Huawei P40 Pro. Untuk menyertai pertandingan Bayar & Menang Huawei P40 Pro, pelanggan hanya perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Muat turun aplikasi myTNB dari Apple Store, Google PlayStore atau Huawei AppGallery
2. Menambah akaun TNB ke dalam aplikasi myTNB
3. Membuat pembayaran penuh bagi bil TNB di bawah akaun TNB yang dinyatakan menerusi aplikasi myTNB

Untuk pengguna kali pertama, selepas memuat turun aplikasi myTNB, mereka perlu menambah akaun dan membuat pembayaran melalui aplikasi untuk berpeluang memenangi hadiah Huawei P40 Pro. Maklumat lanjut boleh didapati di portal dan aplikasi myTNB.


Untuk sebarang pertanyaan mengenai bil atau perkhidmatan yang disediakan TNB, hubungi 1-300-88-5454 atau emel [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 November 2020, jam 11:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Aplikasi dan portal myTNB membolehkan para pelanggan melakukan urusan transaksi dengan lebih mudah dan selamat menerusi kemudahan yang tersedia pada platformnya.